



SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 31 /2023

"SENI PERSEMBAHAN KERJAYA ANAK MUDA...?"

Kota Kinabalu, 31 Oktober 2023 - Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Sabah (JKKN Sabah), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama rakan strategik Universiti Malaysia Sabah menganjurkan program **BICARA TOKOH SENI BUDAYA SIRI 2/2023** dengan tajuk "**Seni Persembahan Kerjaya Anak Muda...?**". Program yang dianjurkan pada 31 Oktober 2023, jam 2.00 petang hingga 5.00 petang bertempat di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah ini merupakan siri ke 2 pada tahun ini setelah siri pertama diadakan pada 14 Jun 2023 yang lalu di UiTM Kampus Puncak Perdana Shah Alam.

Penganjuran program berkonsepkan bual bicara ini merupakan penghargaan serta pengiktirafan kepada panel jemputan atau tokoh yang terpilih untuk mengadakan sesi dialog tentang kisah kehidupan mereka sebagai anak seni yang berjaya. Secara tidak langsung juga ianya memberi peluang kepada orang ramai terutama kepada pelajar-pelajar bagi mendekati dan beramah

mesra serta berkongsi pengalaman dan kejayaan dengan tokoh tersebut.

Menariknya menerusi program ini panel jemputan telah mencetuskan aspirasi dan semangat kepada anak-anak muda terutamanya para pelajar dalam menghadapi cabaran masa kini berkaitan tajuk "**Seni Persembahan Kerjaya Anak Muda...?**" melalui pengalaman, pengorbanan serta kejayaan yang dilalui oleh mereka dalam bidang masing-masing demi memartabatkan seni budaya negara. Para peserta yang hadir telah memberikan maklum balas yang sangat positif dan sekaligus menyuntik semangat para pelajar ini untuk lebih fokus dan bekerja keras bagi mencapai kejayaan di masa hadapan.

Program ini menampilkan tokoh yang disegani dan berpengalaman sebagai panel jemputan iaitu YBhg. Dato' Tamimi Siregar yang tidak asing lagi dikalangan penggiat teater dan YBhg. Dato' M.Nasir yang merupakan sifu dalam bidang nyanyian dan muzik serta artis tempatan berasal dari Sabah iaitu Ebi Kornelis.

"Program ini bertujuan sebagai medium perkongsian ilmu dan pengalaman diantara panel jemputan yang dipilih bersama para peserta. Selain itu juga ia merupakan usaha sama yang baik diantara JKKN dengan UMS dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama kebudayaan bagi kecermalangan seni budaya dan diharap kerjasama sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang" kata Encik Rosnan bin Nordin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Dasar dan

Perancangan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenia Negara dalam kenyataannya hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari facebook JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

_ TAMAT _

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

| | |
|--|---|
| Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095 | Eldawati Binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805 |
|--|---|